



*Siaran*  
**AKHBAR**  
UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK  
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 JLD 2 (39) 03/12

**Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Rasmi**  
**Upacara Peletakan Lunas Kapal LCS Ketiga bagi TLDM**

**Lumut, PERAK, 18 Disember 2017:** Upacara peletakan lunas untuk kapal Littoral Combat Ship ("LCS") yang ketiga daripada enam buah LCS untuk Tentera Laut Diraja Malaysia ("TLDM") yang sedang dibina oleh Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd ("BN Shipyard"), sebuah syarikat bersekutu Boustead Heavy Industries Corporation Berhad ("BHIC"), telah berlangsung hari ini. Upacara telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi.

Keenam-enam buah kapal LCS yang dibina merupakan kapal yang tercanggih dan berkeupayaan tinggi untuk armada TLDM. Kapal Tempur Pesisir tersebut dilengkapi dengan kebolehan untuk berhadapan dengan peperangan 4-dimensi bagi mengatasi ancaman elektronik, udara, darat dan air serta sistem pengurusan peperangan yang terkini.

Kapal LCS ini mempunyai ciri-ciri serangan hendap yang membuatkan kapal tersebut sukar untuk dikesan. Setiap kapal LCS mampu menampung 118 anak kapal termasuk sebuah cerai helikopter dan pasukan khas.

Peletakan lunas ini menandakan bermulanya penyambungan blok kapal tersebut yang dibina secara modular. Upacara peletakan lunas untuk kapal LCS yang pertama telah berlangsung pada tahun 2016, LCS 2 pada Feb 2017 dan LCS ketiga pada hari ini. LCS 1 dijangka akan diserahkan kepada TLDM pada tahun 2019.

Projek LCS membuktikan kemampuan industri pertahanan tempatan (BNS) membina kapal perang moden dan menyumbang kepada kesiagaan dan pengukuhan aset TLDM. Kapal LCS ini sudah pasti akan meningkatkan tahap keupayaan operasi-operasi

TLDM, melindungi kepentingan maritim Malaysia serta seiring aspirasi TLDM ke arah maritim yang bertaraf dunia. Pembinaan kapal-kapal ini di dalam negara juga telah memberi impak yang positif kepada vendor dan rakan kerja tempatan dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan seterusnya pembangunan di dalam industri maritim.

Acara ini turut dihadiri oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Haji Ahmad Badaruddin; Pengarah Urusan BNS, Tan Sri Dato' Seri Ahmad Ramli; Panglima-panglima Perkhidmatan dan Pegawai-pegawai Kanan ATM dan awam Kementerian Pertahanan.

- *tamat* -

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Unit Komunikasi Strategik  
Kementerian Pertahanan Malaysia  
18hb Disember 2017 (Isnin)**